

Berwibawa, perkesanggupan kriteria utama calon BN

UM 24 SEP 2003

KEPALA BATAS 23 Sept. — Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, kewibawaan dan kesanggupan berkhidmat untuk rakyat merupakan kriteria utama pemilihan calon Barisan Nasional (BN) dalam pilihan raya umum akan datang.

Tegas Timbalan Perdana Menteri, untuk menjadi wakil rakyat bukan kerja mudah kerana individu itu perlu sanggup bekerja bersungguh-sungguh dan tidak mengabaikan tanggungjawab yang diamanahkan.

Beliau berkata, tugas sebagai wakil rakyat bukan kerja sampingan kerana ia menuntut komitmen individu berkenaan.

“Tak bersungguh-sungguh tak

bolehlah nak jadi wakil rakyat. Kalau tak sanggup, dia bukanlah seorang yang mewakili rakyat.

“Yang penting, dia seorang yang berwibawa, sanggup bekerja kuat dan bertanggungjawab,” katanya kepada pemberita pada sidang video bersama ahli-ahli Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampung (JKKK) Kawasan Parlimen Kepala Batas di Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Utara di sini hari ini.

Beliau yang juga Timbalan Pengerusi BN ditanya mengenai kriteria utama dalam pemilihan calon-calon BN pada pilihan raya umum akan datang.

Abdullah yang diumumkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr.

Mahathir Mohamad sebagai pengantinya apabila beliau berundur akhir bulan depan, akan mengetuai BN pada pilihan raya umum nanti.

Pada 23 Mei lalu, Dr. Mahathir berkata, wakil-wakil rakyat BN yang malas hadir sidang dewan, mengabaikan tanggungjawab dan mementingkan diri sendiri akan digugurkan daripada senarai calon.

Abdullah sebelum ini menegaskan bahawa pucuk pimpinan parti akan membuat keputusan terbaik dan saksama dalam menentukan calon pilihan raya umum ke-11.

UMNO yang merupakan tonggak BN dijangka memperoleh separuh daripada kerusi Parlimen dan Dewan Undangan Negeri (DUN) yang diwartakan pada 1 Mei lepas berda-

sarkan kelaziman apabila berlakunya pertambahan kawasan baru pilihan raya.

Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) sebelum ini mengesahkan Rang Pelan Bahagian-Bahagian Pilihan Raya 2003 telah diwartakan pada 1 Mei lalu, sekali gus membolehkan 25 kerusi Parlimen dan 63 kerusi DUN baru di seluruh Semenanjung dan Sabah, dipertandingkan pada pilihan raya umum nanti.

Dewan Rakyat meluluskan usul persempadanan semula bahagian pilihan raya Parlimen dan Negeri pada 8 April lalu menjadikan jumlah kerusi Dewan Rakyat bertambah kepada 219 dan 567 kerusi DUN.